

# Pasangan ulangi detik 28 tahun lalu

**Ambil diploma tahun 1985 sambung belajar selepas dapat 4 anak**

Oleh Ardyhansah Amat  
ardyhansah@mediaprima.com.my

Serdang

**P**asangan sejoli. Itulah yang boleh digamarkan buat pasangan suami isteri Muhammad Zarin Mohd Nor dan Rosmaliza Ismail, masing-masing 49 tahun,

Pasangan yang juga kakitangan FELDA di Johor Bahru itu baru saja menamatkan pengajian jarak jauh dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia pada Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37, di sini, semalam.

Mengimbas kembali detik pertemuan mereka, Muhammad Zarin berkata mereka bertemu kira-kira 28 tahun lalu di UPM ketika menduduk di peringkat diploma pada 1985.

"Walaupun mengambil bidang yang berlainan, tetapi jodoh sudah tersurat buat kami berdua. Selepas menamatkan pengajian diploma kami mengambil keputusan



MUHAMMAD Zarin dan Rosmaliza bersama empat anak mereka.

untuk berkahwin.

"Namun disebabkan kami berdua anak sulung dalam keluarga dan masing-masing mempunyai lapan adik yang lain, kami terpaksa menangguhkan niat untuk meneruskan pengajian di peringkat lebih tinggi.

"Selepas mempunyai empat anak, akhirnya kami berdua mengambil keputusan untuk sambung belajar bagi memudahkan pengurusan keluarga dilakukan.

"Alhamdulillah akhirnya

kami dapat menamatkan pengajian bersama di tempat yang sama, sama seperti 28 tahun lalu," katanya kepada Harian Metro.

Bagi Rosmaliza keputusan untuk mengambil pendidikan jarak jauh bersama suaminya adalah tepat kerana hampir setiap beban dan masalah dikongsi bersama.

"Bayangkan ketika belajar termasuk membuat ulang kaji dan tugas dilakukan secara bersama membuatkan kami lebih saling me-

"Alhamdulillah akhirnya kami dapat menamatkan pengajian bersama di tempat yang sama, sama seperti 28 tahun lalu"

Muhammad Zarin

mahami dan bertolak ansur antara satu sama lain.

"Malah kami juga tolong-menolong antara satu sama lain dalam menguruskan keluarga bagi memastikan impian kami untuk terus maju ke hadapan dalam pendidikan tercapai," katanya.



FATHI (dua dari kiri) mendapat kucupan dan ucapan tahniah dari neneknya, Semah sambil diperhatikan ayah dan ibunya.

## Tetap bermula cari rezeki tambahan

**Serdang:** Walaupun berjaya memperoleh biasiswa RM4,000 dan pembeiran belanja dari nenek sebanyak RM6,000 setiap semester, ia tidak menghalang Fathi Ayyub Mohd Zaini, 23, daripada terus mencari rezeki tambahan sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sikap graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian ini yang memperuntukkan masa sekitar jam 6 petang hingga 8 malam menjual nasi lemak dan kuih-muih tradisional di sekitar kolej kediaman wajar dicontohi golongan muda lain.

"Sejak kecil saya dijaga nenek, Semah Ahmad, 80. Saya melihat nenek seorang yang kuat bekerja dan rajin bermula apa saja tanpa mengira sama ada kecil atau besar keuntungan yang akan diperoleh."

"Apa saja yang boleh dijual, nenek tanpa segan silu akan berjumpa dengan orang ramai untuk mempromosikan barang yang diperolehnya.

"Dari sini minat saya dalam bidang perniagaan mula bercambah dan saya praktikkan sepanjang menuntut di UPM.

"Alhamdulillah, saya boleh menjual sehingga 80 bungkus nasi lemak sehari dan memperoleh pendapatan bersih sekitar RM700 sebulan," katanya.

Tambahnya lagi, bermula nasi lemak tidak menghalangnya daripada melakukan aktiviti harian termasuk belajar dan keluar bersama rakan yang lain.

Sementara itu, doa seorang ibu, Faridah Din, 48, yang mahu melihat kejayaan anaknya termakbul apabila Noor Sumaiyah Che Lah, 24, berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Multimedia.

Lebih menyentuh hati, Noor Sumaiyah bukanlah seperti gadis lain apabila mengalami pergerakan yang lambat akibat masalah otak belakang mengikut yang dialaminya sejak tujuh tahun lalu.

## Dua beradik berhijrah demi ilmu



AZNILDHA (dua dari kiri) bersama Arbiyanti menerima sokongan pada bapanya, Azhar Römi dan ibunya, Nurlaela Azhar.

**Serdang:** Jarak yang jauh dan terpaksa berhijrah ke Malaysia, tidak menghalang dua adik-beradik dari Jakarta Indonesia untuk menimba ilmu di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Malah lebih menggembirakan apabila Aznildha Septhavia, 26 dan Arbiyanti Febthavia, 23, berjaya menamatkan pengajian bersama tahun ini seterusnya menerima ijazah sarjana muda ketika Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37, semalam.

Bagi Aznildha, itu antara pengalaman berharga yang dikongsi bersama mereka se-

keluarga termasuk ibu bapa mereka yang turut berada di sini untuk meraikan hari bersejarah tersebut.

"Saya tidak menyangka akan menaiki pentas konvokesyen bersama adik tunggal saya. Sememangnya langkah ayah menghantar kami berdua belajar di sini adalah tepat.

"Perkembangan pendidikan di Malaysia lebih maju dan UPM antara universiti yang diiktiraf dunia, malah dengan melanjutkan pengajian di sini melatih kami untuk lebih berdiri kerana berada jauh dari keluarga," kata graduan Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat.



DOA Faridah akhirnya termakbul untuk melihat Noor Sumaiyah berjaya.